

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, July 7, 2019 9:26 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dr. Ris Dilantik Pakar Rujuk Halal



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

07 JULAI 2019 / 04 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

DR. RIS DILANTIK PAKAR RUJUK HALAL



UUM ONLINE: Dr. Risyawati Mohamed Ismail mencipta sejarah apabila dilantik sebagai pakar rujukan halal sempena persidangan 3rd International Halal Technical Capacity Development Programme (IHTCDP) yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

Kepakaran Pensyarah Kanan dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) UUM dalam bidang teknikal halal mendapat pengiktirafan dunia dan menggalas tanggungjawab untuk melatih peserta daripada badan-badan pensijilan halal dari luar negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Australia, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Eropah.

"IHTCDP merupakan latihan tahunan yang mengumpul peserta dari seluruh dunia yang terdiri di kalangan pemilik syarikat halal, juruaudit halal, pengeksport produk halal dan badan pensijilan halal (Certification Bodies) yang diiktiraf JAKIM yang terlibat dengan pensijilan.

Memasuki tahun ketiga penganjurannya, IHTCDP turut menampilkan forum mini interaktif antara peserta program dan pihak berkuasa/pakar yang berkaitan, ceramah poket serta sesi inspirasi yang dikongsi oleh wakil industri halal.

Program anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menyaksikan lebih 70 peserta didedahkan dengan topik teknikal seperti parameter halal untuk industri, bahan kritikal dan analisis dalam sains halal.

Program ini meliputi pelbagai jenis perniagaan halal termasuk produk makanan, premis makanan, produk kosmetik, produk farmaseutikal dan perkhidmatan logistik.

Dr. Risyawati teruja diberi kepercayaan untuk mengendalikan sesi latihan dan perbincangan berkenaan rantai bekalan halal, Halal Assurance System (HAS) dan impak penggunaan teknologi terkini ke atas kesinambungan dan ketelusan rantai bekalan produk dan servis halal.

Sambutan hangat diberikan apabila para peserta mendengar dengan penuh minat dan dihujani pelbagai soalan terutamanya daripada delegasi luar negara sehingga tambahan masa diberikan untuk melanjutkan sesi perkongsian yang menarik.

Dr. Risyawati merupakan Pengarah FInDER (Food Security, Innovation & Development Research Centre) iaitu salah satu unit penyelidikan di bawah STML yang berfokuskan penyelidikan dalam bidang jaminan makanan, inovasi dan pembangunan.

Berpengalaman selama 12 tahun dalam industri halal, beliau merupakan saintis makanan yang disahkan dan tenaga pengajar halal yang diiktiraf oleh Jakim.

Sementara itu, Dekan STML, Prof. Madya Dr. Nor Hasni Osman meluahkan kesyukuran dan kegembiraan apabila tenaga pendidik STML menerima pengiktirafan daripada pihak Jakim, industri halal dan komuniti halal sehingga ke peringkat global.

“Saya berharap usaha ini dapat diteruskan dan diperkembangkan lagi di masa hadapan bagi membantu menaikkan nama UUM di peringkat global,” ujarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.